

# Hutan lipur penjana ekonomi masyarakat setempat

Malaysia sebagai negara beriklim Khatulistiwa mempunyai faedah mutlak dari segi penawaran produk pelancongan berasaskan alam sekitar.

Produk dikategorikan sebagai ekopelancongan ini boleh dipecahkan kepada pelbagai jenis antaranya berasaskan tanah tinggi, pantai, laut, taman basah, tanah paya, tasik, gua, taman laut dan tidak ketinggalan hutan lipur.

Merujuk data, Malaysia mempunyai lebih 120 hutan lipur seluruh Malaysia, majoritinya popular dan mendapat permintaan tinggi sebagai destinasi pelancongan khusus bagi pelancong domestik.

Pendek kata setiap negeri mempunyai sekurang-kurangnya satu hutan lipur.

Kelebihan setiap hutan lipur sehingga berjaya menarik minat pelancong domestik ke kawasan ini disebabkan tarikan anak sungai dan air terjun.

Kewujudan sungai dan air terjun membolehkan aktiviti mandi-

## Komentari



**Prof Madya Dr Norlida Hanim Mohd Salleh**

**Fakulti** Ekonomi dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

manda sambil berkelah dilakukan. Permintaan ketara pada setiap hujung minggu, cuti am dan cuti sekolah.

Justeru Malaysia wajar terus membangunkan destinasi berasaskan hutan lipur ini untuk aktiviti pelancongan atau kawasan riadah penduduk setempat.

### Potensi pembangunan hutan lipur

Membangunkan produk pelancongan berasaskan alam sekitar

khususnya hutan lipur mempunyai banyak kelebihan, antaranya membuktikan Malaysia mampu dan berjaya menawarkan pelbagai produk pelancongan menarik khususnya kepada pelancong tempatan.

Dengan membangunkan pelancongan hutan lipur, usaha konservasi hutan yang dianggap penting sebagai penebat kepada masalah berkaitan alam sekitar, dapat dilakukan.

Negara termasuk Malaysia yang melalui pembangunan, secara tidak disengaja terdedah dan tercemar apabila banyak asap dan gas dilepaskan ke udara.

Pelepasan pelbagai gas termasuk karbon dioksida dan monoksida membawa kepada masalah kepanasan global. Masalah ini harus diselesaikan dan cara terbaik dengan memperbanyakkan tanaman atau tumbuh-tumbuhan.

Penumpuan destinasi pelancongan hutan lipur bukan sahaja membangunkan industri pelanco-

ngan, tetapi masalah berkaitan alam sekitar dapat ditangani, khususnya dalam membantu menstabilkan ekologi.

Pemuliharaan hutan lipur yang menjadi habitat ribuan flora dan fauna penting, lebih-lebih lagi jika tumbuhan itu ada kalanya terdapat di hutan Malaysia sahaja.

Kedudukan hutan lipur kebiasaannya di kawasan agak pedalaman secara tidak langsung memberi peluang pekerjaan kepada komuniti setempat khususnya masyarakat Orang Asli.

### Kos tinggi bukan halangan

Mereka ini harus diberikan latihan dan peluang agar dapat menjana ekonomi melalui pembabitatan dalam industri pelancongan. Impak juga dirasai komuniti tempatan lain melalui penyediaan makanan dan minuman di destinasi pelancongan itu.

Pembangunan hutan lipur memerlukan kos tinggi, namun ia tidak boleh dijadikan alasan untuk

kawasan ini tidak dibangunkan.

Pelbagai kombinasi gerakan kerja pembangunan boleh dilakukan untuk itu, antaranya kolaborasi pembangunan antara pihak Jabatan Perhutanan selaku agensi diberi mandat membangunkan hutan lipur dengan institusi pendidikan tinggi dan pihak syarikat atau industri.

Usaha ini mempunyai potensi dan prospek baik kerana setiap unit dan agensi mempunyai kelebihan tersendiri, disokong kolaborasi dengan komuniti setempat.

Dalam pembangunan pelancongan komuniti tempatan tidak sepatutnya dicitikan kerana berjaya atau tidak destinasi pelancongan ini juga, dipengaruhi komuniti persekitarannya.

Secara keseluruhan, pembangunan industri pelancongan mem-babitkan hutan lipur perlu diteruskan untuk kepentingan industri pelancongan itu sendiri, demi kepentingan alam sekitar dan ekonomi.